

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI AWANGI
KAWASAN : MARANG
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN :

YB DATO' SERI ABDUL HADI AWANGI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah mekanisme Kerajaan bagi mengurangkan kadar tol dengan penurunan sehingga 20 peratus supaya cadangan bekas Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan, Tun Daim Zainuddin dapat dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya dalam proses menyediakan Memorandum Jemaah Menteri berhubung dengan Kajian Halatuju Industri Lebuhraya Bertol di Malaysia untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri yang dijangkakan pada bulan Ogos 2019. Kajian tersebut telah mengambil kira pelbagai senario dan alternatif untuk kerajaan menangani isu tol ini. Ini termasuklah pengambilalihan lebuhraya-lebuhraya bertol serta mekanisme pengurangan kadar tol yang mana lebih wajar dilaksanakan oleh Kerajaan. Sebarang keputusan memerlukan pertimbangan teliti kerana sudah pasti ianya akan memberi kesan komitmen kewangan jangka panjang Kerajaan.

Sekian, terima kasih.